



**State Mufti's Office**  
Prime Minister's Office  
Brunei Darussalam

## **SEMBAHYANG SUNAT ISTISQA': Jalan Terbaik Untuk Memohon Hujan**

**(Bilangan Akhir)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

### **Khutbah sembahyang sunat Istisqa'**

Khutbah sembahyang sunat Istisqa' juga sama seperti khutbah sembahyang sunat Hari Raya pada segala rukun dan perkara sunatnya melainkan ia berbeza pada tiga perkara.

**Pertama:** Pada setiap memulakan dua khutbah sembahyang sunat Istisqa' itu diucapkan *istighfar* berbeza dengan khutbah sembahyang sunat Hari Raya yang dimulai dengan takbir.

Pada khutbah pertama sunat dimulai dengan mengucapkan *istighfar* iaitu ( ) sebanyak sembilan kali dan pada khutbah kedua sebanyak tujuh kali.

Kemudian sunat membanyakkan *istighfar* ketika berkhotbah, membaca ayat dalam surah Nuh 10-12:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾

وَيُمِدُّكُمْ بِأَمْوَالٍ وَأَنْهَارٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾

**Tafsirnya:** “*Sehingga aku berkata (kepada mereka): “Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah Dia Maha Pengampun. “(Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu; “Dan Dia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Dia akan mengadakan kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).”*”

**Kedua:** Pada khutbah pertama sunat membaca doa yang warid daripada Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* dengan suara yang nyaring (*jahr*), antaranya ialah:

- (1) Imam asy-Syafi‘e *Rahimahullah* meriwayatkan dalam kitab al-Umm dan al-Mukhtashar daripada Salim bin ‘Abdullah bin ‘Umar daripada ayahnya bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* apabila memohon hujan Baginda berdoa:

**Maksudnya:** *“Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami hujan yang menyelamatkan, menyenangkan, baik akibatnya, lebat, menyuburkan, meresap di bumi, merata, sesuai keperluan lagi selalu ada.*

*Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami hujan dan janganlah Engkau jadikan kami sebagai orang-orang yang berputus asa.*

*Ya Allah! Sesungguhnya kesusahan yang terdapat di sisi hamba-hamba, negeri-negeri, binatang-binatang, kejadian dan segala makhluk ciptaan daripada kebuluran, kepayahan, dan kesempitan, tiada tempat bagi kami mengadu melainkan kepada-Mu.*

*Ya Allah! Tumbuhkanlah tanaman untuk kami dan keluarkanlah air susu binatang, turunkanlah kurnia-Mu dari langit dan tumbuhkanlah untuk kami segala berkat di bumi.*

*Ya Allah! Lenyapkanlah dari kami kesengsaraan, kelaparan dan kekurangan pakaian, hilangkanlah dari kami bala bencana yang tiada siapa yang boleh melenyapkannya selain Engkau.*

*Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon keampunan-Mu, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun maka turunkanlah hujan yang lebat kepada kami daripada langit.”*

(2) Sunat membanyakkan doa apabila ditimpa kesusahan:

**Ertinya:** “Tiada Tuhan selain Allah yang Maha Agung lagi Maha Halim (tidak segera menurunkan seksa). Tiada Tuhan selain Allah Tuhan ‘Arasy yang agung. Tiada Tuhan selain Allah Tuhan semesta langit dan bumi dan Tuhan yang memelihara ‘Arasy yang mulia.”

Dan doa:

**Ertinya:** “Wahai Tuhan yang Hidup, wahai Tuhan yang berdiri dengan sendiri-Nya, dengan rahmatMu kami meminta tolong, dan hanya rahmat-Mu yang kami harapkan, maka janganlah Engkau sandarkan kami kepada diri kami sendiri walau sekalipun mata dan pereloklah bagi kami semua keadaan kami. Tidak ada Tuhan melainkan Engkau.”

- (3) Sunat membanyakkan doa seperti dalam ayat surah al-Baqarah 201:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

**Tafsirnya:** “Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka.”

Dan membaca ayat di akhir surah al-Baqarah 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا  
إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِيصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ

قِيلَ لَنَا وَلَا تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ۖ وَأَعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا ۗ أَنْتَ  
مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

**Tafsirnya:** “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa): “Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau menghukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kami bebanan yang berat (yang tidak terdaya kami menanggungnya) sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami. Engkaulah Pelindung kami. Oleh itu tolonglah kami menghadapi kaum yang kafir.”

**Ketiga:** Setelah berlalu sepertiga khutbah kedua, sunat bagi khatib menghadap kiblat untuk membaca doa. Ketika berpusing menghadap kiblat, sunat bagi khatib membalikkan selendangnya daripada yang kanan ke kiri dan yang kiri ke kanan sebagaimana mengikut perbuatan Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam*. Hikmah dari perbuatan membalikkan selendang itu adalah mengharap nasib baik (*bertafa’ul*) dengan berubahnya keadaan susah kepada senang. Demikian juga, jika bentuk kain selendang itu empat segi, maka sunat dijadikan kain yang di atas ke bawah dan yang di bawah ke atas. Hal ini juga, sunat bagi jemaah membalikkan kain selendang mereka.

Khatib hendaklah bersungguh-sungguh membaca doa ketika itu, apabila khatib membacanya dengan suara yang perlahan (*sirr*) maka jemaah juga membaca doa dengan suara yang perlahan. Namun jika khatib membacanya dengan suara yang nyaring (*jahr*) maka jemaah mengaminkan doanya. Khatib dan jemaah sunat menadah tangan dengan meletakkan zahir tangan ke langit apabila

membaca doa kerana menolak bala, dan menadah batin tangan ke langit apabila membaca doa kerana bukan menolak bala.

Menurut Imam asy-Syafi'e *Rahimahullah*, doa setelah berlalu sepertiga khutbah kedua itu ialah:

**Ertinya:** “*Ya Allah! Engkau telah memerintahkan kami agar berdoa kepada-Mu, dan Engkau menjanjikan akan memperkenankannya. Sesungguhnya kami telah berdoa kepada-Mu sebagaimana Engkau perintahkan, maka perkenankanlah doa kami sebagaimana Engkau menjanjikan. Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami ni‘mat keampunan-Mu atas perbuatan kami, dan ni‘mat perkenan-Mu atas doa kami meminta hujan serta keluasan rezeki kami.*”

Setelah selesai membaca doa tersebut, khatib kembali menghadap jemaah. Kemudian khatib menyeru jemaah supaya mentaati Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* lalu berselawat ke atas Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam*, berdoa untuk orang-orang yang beriman serta membaca beberapa ayat daripada al-Qur’an dan membaca *istighfar* ( ).

### **Bila khutbah sembahyang sunat Istisqa’ dibacakan?**

Waktu membaca khutbah itu ialah selepas mengerjakan sembahyang sunat Istisqa’ kerana Baginda *Shallallahu ‘alaihi wasallam* banyak melakukannya selepas sembahyang tersebut. Walau bagaimanapun harus juga membaca khutbah itu sebelum mengerjakan sembahyang sunat Istisqa’, akan tetapi ia bersalahan dengan yang lebih utama.

## Perkara sunat apabila turun hujan

- (1) Apabila mula-mula turun hujan setelah kemarau, sunat pergi keluar dan mendedahkan anggota selain aurat agar terkena dengan air hujan. Ini kerana mengambil berkat dan mengikut perbuatan Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang diriwayatkan oleh Anas *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

:

:

:

( )

**Maksudnya:** “Kami bersama-sama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* kehujan. (Anas) berkata: “Maka Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* membuka sedikit pakaiannya sehingga terkena air hujan. Lalu kami berkata: Ya Rasulullah! Kenapa kamu lakukan ini? Baginda bersabda: “Kerana ia baru diciptakan oleh Tuhannya Allah Ta‘ala.”

(Hadits riwayat Muslim)

- (2) Sunat mandi atau berwudhu dengan air yang mengalir hasil daripada hujan itu. Walau bagaimanapun afdhal dilakukan keduanya dan tidak disyaratkan berniat ketika mandi dan berwudhu.
- (3) Sunat membaca doa ketika turun hujan sebanyak dua atau tiga kali:

**Ertinya:** “Ya Allah! Jadikanlah hujan ini hujan yang bermanfaat.”

- (4) Sunat bersyukur dan membanyakkan doa yang lain ketika turun hujan, kerana di saat turun hujan itu doa dimakbulkan.
- (5) Apabila turun hujan dengan lebat dan ditakuti akan mudharatnya, maka sunat bermohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar menghindarinya dengan berdoa:

**Ertinya:** “*Ya Allah! Turunkanlah hujan di sekeliling kami sahaja dan jangan Engkau turunkan hujan di atas kami (bangunan dan rumah-rumah). Ya Allah! Turunkanlah hujan di atas dataran-dataran tinggi, bukit-bukau, jurang-jurang yang dalam dan tempat tumbuh-tumbuhan.*”

- (6) Setelah hujan berhenti, sunat membaca:

**Ertinya:** “*Kami mendapat hujan dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya.*”

Sebagai kesimpulan, mengerjakan sembahyang sunat Istisqa' adalah jalan yang terbaik untuk memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar diturunkan hujan. Selain daripada itu, kita dituntut untuk bertaubat dan mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan berbuat kebajikan serta keluar daripada perbuatan zalim agar permohonan kita dimakbulkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.